A

Datin Seri Rosmah bt Mansor lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH BIL W-05–385–09 TAHUN 2022
AHMAD ZAIDI IBRAHIM, AZMAN ABDULLAH DAN NOORIN BADARUDDIN HHMR
17 SEPTEMBER 2025

C

Prosedur Jenayah — Hakim — Penarikan diri — Perayu dituduh dengan kesalahan di bawah s 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 — Perayu medapati melalui artikel bahawa penghakiman kes perayu telah disediakan oleh pihak ketiga sebelum tarikh keputusan — Perayu memfailkan permohonan agar hakim bicara menarik diri — Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila menolak permohonan perayu untuk penangguhan kes bagi membolehkan perayu menjawab afidavit jawapan timbalan pendakwa raya — Sama ada permohonan 'recusal' melibatkan persoalan undang-undang — Sama ada kandungan artikel tersebut 'reliable' — Sama ada kandungan artikel tersebut adalah dengar cakap — Sama ada terdapat 'real danger of bias' di pihak hakim bicara

D

E

Perayu telah dituduh dengan tiga pertuduhan di bawah s 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (berhubung dengan satu projek solar Kementerian Pelajaran Malaysia) dalam dua kes jenayah iaitu kes WA-45–9–03 Tahun 2019 dan kes WA-45–19–07 Tahun 2019 ('kes-kes Solar tersebut'). Kes-kes Solar tersebut telah dibicarakan di hadapan Yang Arif Mohd Zaini bin Mazlan, HMT ('hakim bicara') dan hakim bicara telah menetapkan tarikh keputusan pada 1 September 2022. Namun begitu, sebelum keputusan dibuat iaitu pada sekitar 26 Ogos 2022, perayu mendapat tahu melalui satu artikel yang ditulis oleh Raja Petra Kamarudin ('penulis artikel tersebut') tentang kewujudan penghakiman bagi kes-kes Solar tersebut yang mempunyai 71 muka surat yang dikatakan telah disediakan oleh pihak ketiga (Unit Penyelidikan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ('MTKL')) dan bukan disediakan oleh hakim bicara. Perayu kemudiannya memfailkan notis usul 140 ('NU 140') bersama dengan sijil segera (*certificate of urgency*) bagi memohon agar hakim bicara menarik diri (*to recuse*) daripada terus mendengar kes-kes Solar tersebut termasuk memberikan keputusan di akhir perbicaraan yang telah ditetapkan pada 1 September 2022. Perayu telah memfailkan afidavit sokongan dan timbalan pendakwa raya ('TPR') juga telah memfailkan afidavit jawapan/balas. Pada 1 September 2022, iaitu tarikh bicara bagi NU 140 dan juga tarikh keputusan bagi kes-kes Solar tersebut, perayu telah memfailkan permohonan penangguhan bagi membolehkan perayu menjawab afidavit jawapan TPR ('permohonan penangguhan tersebut'), namun, permohonan

F

G

H

I

tersebut telah ditolak oleh hakim bicara. Setelah mempertimbangkan kes pihak-pihak, hakim bicara menolak NU 140. Ringkasnya, hakim bicara menafikan pengataan/dakwaan penulis artikel tersebut bahawa penghakiman bagi kes-kes Solar tersebut telah disediakan oleh pihak ketiga. Hakim bicara menafikan telah mengarahkan pihak ketiga untuk menyediakan penghakiman bagi pihaknya. Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu memfailkan rayuan semasa. Berhubung dengan perintah hakim bicara menolak permohonan penangguhan tersebut, peguam perayu berhujah bahawa perintah tersebut adalah suatu kekhilafan dan ketidakadilan di mana hak asasi perayu telah dinafikan. Bagi NU 140 pula, TPR berhujah bahawa penulisan yang menjadi teras permohonan perayu untuk 'recuse' hakim bicara tersebut adalah tidak 'reliable' kesahihan kandungannya dan merupakan keterangan dengar cakap (*hearsay*). Kebenaran kandungan artikel/penulisan yang dirujuk oleh perayu tersebut adalah dalam keadaan meragukan. TPR mencabar 'credibility' serta 'integrity' penulis tersebut. Perayu pula berhujah bahawa hakim bicara terkhilaf apabila tidak mengguna pakai ujian 'real danger of bias' semasa membuat keputusan menolak permohonan 'recusal' oleh perayu.

Diputuskan, menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi bagi NU 140:

(1) Adalah jelas dan mantap bahawa permohonan bagi penarikan diri (*recusal*) adalah melibatkan persoalan undang-undang. Bagi NU 140, pendekatan yang diambil oleh responden adalah untuk tidak merujuk kepada afidavit yang mereka failkan dan untuk berhujah atas undang-undang. Atas pendekatan yang dipilih oleh responden tersebut serta mengambil kira bahawa permohonan NU 140 telah difailkan atas dasar segera (*urgency*), hakim bicara memutuskan untuk menolak permohonan penangguhan dan meneruskan dengan mempertimbangkan hujahan pihak-pihak bagi NU 140 tersebut. Berdasarkan nota prosiding bagi NU 140, adalah jelas lagi bersuluh bahawa pihak-pihak terutamanya peguam perayu telah diberikan ruang dan masa yang seluasnya oleh hakim bicara untuk berhujah. Oleh itu, hujahan perayu bahawa perayu telah dirampas hak untuk bersuara dan terdapat perlanggaran hak asasi oleh hakim bicara adalah tidak bermerit. Mahkamah mendapati bahawa hakim bicara tidak terkhilaf dalam pelaksanaan budi bicara beliau dalam menolak permohonan penangguhan bagi NU 140 (lihat perenggan 39–42).

(2) Adalah jelas bahawa peguam perayu tidak menafikan karakter dan kredibiliti penulis artikel tersebut sepertimana yang didakwa oleh TPR iaitu, berdasarkan kredibiliti beliau yang tercabar, penulisannya adalah tidak sahih isi kandungannya dan meragukan. Mahkamah mendapati bahawa permohonan perayu yang bergantung kepada penulisan oleh penulis artikel tersebut yang mana dibuktikan seorang yang mana kredibilitinya sebagai penulis adalah meragukan, maka kandungan

penulisan beliau juga adalah tidak 'reliable' kebenarannya. Tambahan lagi, mahkamah mendapati kandungan artikel tersebut adalah merupakan satu dengar cakap (*hearsay*) (lihat perenggan 47–48).

(3) Hujahan peguam perayu bahawa adalah tidak logik (*it defies any logic*) apabila Unit Penyelidikan MTKL mempunyai keberanian (*audacity*) untuk menyediakan dokumen 71 muka surat tersebut tanpa arahan daripada seseorang adalah tidak berasas dan 'speculative'. Sepertimana juga artikel penulis tersebut, tiada bukti/keterangan sokongan dikemukakan bagi menyokong dakwaan/hujahan tersebut. Hakim bicara dengan jelas menegaskan bahawa beliau tiada kaitan atau urusan langsung dengan dokumen tersebut dan mahkamah dalam rayuan semasa tidak sedikit pun meragui kebenaran kenyataan hakim bicara tersebut (lihat perenggan 50–51).

(4) Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam perayu bahawa sememangnya tiada dinyatakan secara spesifik tentang ujian 'real danger of bias' dalam penghakiman hakim bicara. Namun, mahkamah mendapati bahawa memandangkan ini adalah rayuan yang difailkan ke Mahkamah Rayuan mengguna pakai peruntukan undang-undang yang terpakai, rayuan perayu merupakan satu 're-hearing' yang mana mahkamah telah pun meneliti keterangan-keterangan secara menyeluruh dan objektif. Apa pun, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan adalah forum terbaik bagi memutuskan persoalan bagi permohonan 'recusal' (lihat perenggan 55–56).

(5) Bagi kes-kes Solar tersebut, mahkamah mendapati bahawa terdapat dua alasan penghakiman. Alasan penghakiman yang pertama telah disediakan oleh pihak ketiga yang mempunyai 71 muka surat. Alasan penghakiman yang kedua telah disediakan oleh hakim bicara yang mempunyai 119 muka surat. Setelah meneliti kedua-dua dokumen tersebut, mahkamah mendapati bahawa sememangnya terdapat kelainan yang ketara dalam kedua-dua dokumen tersebut. Ini menunjukkan bahawa apa yang yang dinyatakan oleh hakim bicara bahawa beliau menyediakan penghakiman sendiri tanpa mengguna pakai penghakiman yang disediakan oleh pihak ketiga adalah benar (lihat perenggan 57–58).

(6) Mahkamah sedar bahawa kes-kes Solar tersebut yang melibatkan perayu telah didengar oleh hakim bicara selama lebih dua setengah tahun di mana sepanjang tempoh tersebut perayu tidak pernah pada bila-bila masa membuat apa-apa permohonan untuk 'recuse' hakim bicara tersebut sehinggalah beberapa hari sebelum tarikh keputusan tiba. Ini membuktikan bahawa sepanjang tempoh tersebut, perayu menerima hakim bicara sebagai seorang hakim yang adil dan saksama. Tiada keraguan tentang keadilan beliau. Mengambil kira keadaan dan fakta kes

secara menyeluruh dan secara objektif, mahkamah mendapati perayu gagal menunjukkan wujudnya 'real danger of bias' di pihak hakim bicara (lihat perenggan 59–60).

[English summary

The appellant was charged with three counts under s 16(a)(A) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (in relation to a solar project of the Ministry of Education Malaysia) in two criminal cases, namely case WA-45–9–03 of 2019 and case WA-45–19–07 of 2019 ('the Solar cases'). The Solar cases were tried before Yang Arif Mohd Zaini bin Mazlan, HCJ ('the trial judge') and the date of the decision was set for 1 September 2022. However, before the decision was made, which was on or about 26 August 2022, the appellant became aware through an article written by Raja Petra Kamarudin ('the author of the article') of the existence of a judgment for the Solar cases which had 71 pages which was said to have been prepared by a third party (the Research Unit of the Kuala Lumpur High Court ('KLHC')) and not by the trial judge. The appellant then filed the notice of motion 140 ('NOM 140') together with a Certificate of Urgency to request that the trial judge recuse himself from continuing to hear the Solar cases including giving a decision at the end of the trial which was set for 1 September 2022. The appellant had filed affidavit in support and the deputy public prosecutor ('the DPP') also had filed affidavit in reply. On 1 September 2022, which was the hearing date for NOM 140 and also the decision date for the Solar cases, the appellant filed an application for an adjournment to enable the appellant to respond to the DPP's affidavit in reply ('the adjournment application'), however, the application was dismissed by the trial judge. After considering the parties' cases, the trial judge dismissed NOM 140. In short, the trial judge denied the author of the article's allegation/claim that the judgment for the Solar cases had been prepared by a third party. The trial judge denied having instructed a third party to prepare a judgment on his behalf. Aggrieved by the decision, the appellant filed the present appeal. In relation to the trial judge's order rejecting the adjournment application, the appellant's counsel argued that the order was an error and injustice in that the appellant's fundamental rights were denied. As for NOM 140, the DPP argued that the writing that was the core of the appellant's application to 'recuse' the trial judge was not 'reliable' in terms of its content and was hearsay evidence. The truthfulness of the content of the article/writing referred to by the appellant was doubtful. The DPP challenged the 'credibility' and 'integrity' of the author. The appellant argued that the trial judge erred when he did not apply the 'real danger of bias' test when deciding to reject the appellant's application for 'recusal'.

Held, dismissing the appellant's appeal and affirming the High Court's decision for NOM 140:

(1) It was clear and well established that the application for recusal involved

a question of law. For NOM 140, the approach taken by the respondent was not to refer to the affidavit they filed and to argue on the law. Based on the approach chosen by the respondent and taking into account that the application for NOM 140 was filed on an urgent basis, the trial judge decided to dismiss the application for adjournment and proceed by considering the submissions of the parties for NOM 140. Based on the notes of proceedings for NOM 140, it was clear and evident that the parties, especially the appellant's counsel, were given ample space and time by the trial judge to argue. Therefore, the appellant's submission that the appellant was deprived of his right to speak and that there was a violation of his fundamental rights by the trial judge was without merit. The court found that the trial judge did not err in the exercise of his discretion in dismissing the application for adjournment of NOM 140 (see paras 39–42).

(2) It was clear that the appellant's counsel did not deny the character and credibility of the author of the article as alleged by the DPP, namely, based on his credibility being challenged, his writing was not authentic in its content and was doubtful. The court found that the appellant's application was based on the writing by the author of the article who was proven to be a person whose credibility as a writer was doubtful, therefore the content of his writing was also not 'reliable' in its truth. Furthermore, the court found that the content of the article was hearsay (see paras 47–48).

(3) The appellant's counsel's argument that it defied any logic when the KLHC Research Unit had the audacity to prepare the 71-page document without instructions from anyone was baseless and speculative. As with the author's article, no supporting proof/evidence was presented to support the claim/argument. The trial judge clearly stated that he had no direct connection or dealings with the document and the court in the present appeal did not doubt the truth of the trial judge's statement at all (see paras 50–51).

(4) The court agreed with the submissions of the appellant's counsel that there was no specific mention of the 'real danger of bias' test in the trial judge's judgment. However, the court found that since this was an appeal filed to the Court of Appeal using the applicable legal provisions, the appellant's appeal was a 're-hearing' where the court had already examined the evidence comprehensively and objectively. In any event, the Court of Appeal and the Federal Court were the best forum to decide the question of 'recusal' application (see paras 55–56).

(5) For the Solar cases, the court found that there were two grounds of judgment. The first grounds of judgment were prepared by a third party which consisted of 71 pages. The second grounds of judgment were prepared by the trial judge which had 119 pages. After examining both

documents, the court found that there were indeed significant differences in both documents. This showed that what the trial judge stated, ie, that he prepared his own judgment without using the judgment prepared by the third party, was true (see paras 57–58).

(6) The court was aware that the Solar cases involving the appellant were heard by the trial judge for over two and a half years during which time the appellant never at any time made any application to 'recuse' the trial judge until a few days before the date of the decision. This proved that throughout that period, the appellant accepted the trial judge as a fair and impartial judge. There was no doubt about his fairness. Considering the circumstances and facts of the case as a whole and objectively, the court found that the appellant failed to show the existence of a 'real danger of bias' on the part of the trial judge (see paras 59–60).]

Kes-kes yang dirujuk

Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v PP and other appeals (No 2) [2022] 5 MLJ 135; [2022] 8 CLJ 387, MP (dirujuk)

Dato' Tan Heng Chew v Tan Kim Hor [2006] 2 MLJ 293; [2006] 1 CLJ 577, MP (dirujuk)

Glomac Resources Sdn Bhd v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor [2016] 9 MLJ 584; [2016] 5 CLJ 590, MT (dirujuk)

Majlis Perbandaran Pulau Pinang v Syarikat Bekerjasama-Sama Serbaguna Sungai Gelugor dengan tanggungan [1999] 3 MLJ 1; [1999] 3 CLJ 65, MP (dirujuk)

Mohamed Ezam bin Mohd Nor & Ors v Ketua Polis Negara [2002] 1 MLJ 321; [2001] 4 CLJ 701, MP (dirujuk)

Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd [1995] 1 MLJ 281; [1995] 1 CLJ 609, MR (dirujuk)

Pembinaan BLT Sdn Bhd v Debessa Development Sdn Bhd [2015] 9 MLJ 335, MT (dirujuk)

Png Hock Leng v AXA Insurance Pte Ltd [2022] SCD 498; [2022] 1 SLR 1463, MT (dirujuk)

PP v Tengku Adnan bin Tengku Mansor [2020] 5 MLJ 220; [2002] 9 CLJ 30, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ss 16(a)(A), 24(1)

Kod Etika Hakim 2009 perenggan 5, 6(1), 7(3), (4), (7), (8)

Rayuan daripada: *Datin Seri Rosmah bt Mansor v Public Prosecutor* [2022] MLJU 2256 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Jagjit Singh (Akberdin b Abdul Kader bersamanya) (Akberdin & Co), Azrul bin

Zulkifli (Azharudin & Assoc) dan Firoz Hussein bin Ahmad Jamaluddin (Firoz Julian & Assoc) bagi pihak perayu.

Mangaiarkarasi a/p Krishnan (Ng Siew Wee dan Sarulatha a/p Paramavathar bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.

Ahmad Zaidi Ibrahim HMR:

MUKADIMAH

[1] Ini adalah rayuan oleh perayu (DS Rosmah bt Mansor) terhadap keputusan hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ('hakim bicara') bertarikh 1 September 2022 bagi Permohonan Jenayah yang difailkan perayu melalui Notis Usul No WA-44–140–08 Tahun 2022 ('NU 140 tersebut').

[2] Melalui NU 140 tersebut, perayu memohon, *inter alia*, satu perintah agar YA hakim bicara menarik diri (*to recuse*) daripada terus mendengar dua kes jenayah iaitu WA-45–9–03 Tahun 2019 dan WA-45–19–07 Tahun 2019 termasuk memberikan keputusan di akhir perbicaraan yang telah ditetapkan pada 1 September 2022. Perayu adalah tertuduh dalam kedua-dua kes tersebut.

[3] Pada 1 September 2022, hakim bicara telah menolak permohonan NU 140 tersebut dan susulan itu telah menyampaikan keputusan bagi kedua-dua kes jenayah tersebut.

[4] Terkilan dengan keputusan hakim bicara yang menolak permohonan beliau tersebut, perayu merayu kepada Mahkamah Rayuan. Hatta, rayuan di hadapan kami ini.

LATAR BELAKANG — FAKTA DAN KRONOLOGI KEJADIAN

[5] Perayu telah dituduh dengan tiga pertuduhan di bawah s 16(a)(A) Akta SPRM 2009, bagi kesalahan rasuah berhubung dengan satu projek Kementerian Pelajaran Malaysia/Kerajaan Persekutuan iaitu, 'Projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid dan Penyelenggaraan dan Operasi Gensel/Diesel bagi 369 Sekolah Luar bandar Sarawak' dalam dua kes jenayah berikut:

(a) WA-45–9–03 Tahun 2019; dan

(b) WA-45–19–07 Tahun 2019.

[6] Kedua-dua kes tersebut akan dirujuk sebagai kes Solar, sepertimana yang dirujuk di MT. Kedua-dua kes Solar tersebut telah dibicarakan secara bersekali (*jointly tried*) kerana berkait rapat dan melibatkan projek/kejadian yang sama,

bagi kesalahan yang serupa di bawah s 16(a)(A) Akta SPRM 2009 dan yang boleh dihukum di bawah s 24(1) Akta yang sama.

[7] Kedua-dua kes Solar tersebut telah dibicarakan di hadapan YA Mohd Zaini bin Mazlan, HMT (hakim bicara) dari awal hingga akhir di mana seramai 23 saksi pendakwaan dan dua saksi pembelaan (termasuk perayu sendiri) telah memberikan keterangan. Perbicaraan di hadapan hakim bicara bermula pada 3 Februari 2020 dan berlarutan selama 2 1/2 tahun dan berakhir pada 18 Februari 2022 apabila perayu menutup kes pembelaan.

[8] Susulan itu, kes Solar tersebut telah ditangguhkan untuk keputusan bagi membolehkan pihak-pihak memfailkan hujahan dan hujahan balas masing-masing.

[9] Diringkaskan cerita, hakim bicara ('HB') telah kemudiannya menetapkan tarikh keputusan pada 1 September 2022.

PERMOHONAN JENAYAH: NOTIS USUL NO WA-44–140–08 TAHUN 2022

[10] Beberapa hari sebelum tarikh keputusan bagi kes Solar tersebut, pada 30 Ogos 2022 perayu telah menfailkan notis usul (kandungan 1) bersama sijil segera (*certificate of urgency*), memohon perintah/relif-relif berikut:

(i) Suatu Perintah agar Yang Arif hakim bicara Mahkamah Tinggi Jenayah (2) Kuala Lumpur, Yang Arif Tuan Mohamed Zaini bin Mazlan ('YA Hakim tersebut') menarik dirinya ('recuse') daripada mendengar dan/atau membuat apa-apa keputusan dan/atau arahan di dalam kes Pendakwa Raya v Rosmah Binti Mansor (Kes Jenayah No.: WA-45-9-03/2019 & WA-45-19-07/2019), di Mahkamah Tinggi Jenayah (2) Kuala Lumpur ('Kes Solar tersebut') dan/atau apa-apa prosiding dan/atau permohonan di dalam Kes Solar tersebut;

(ii) Suatu Perintah bahawa Keputusan di akhir Kes Solar tersebut yang ditetapkan pada 1.9.2022 atau mana-mana tarikh selepas itu, digantung sementara menanti keputusan dan/atau pelupusan ('disposal') notis usul ini dan/atau sehingga siasatan terhadap aduan-aduan dan laporan-laporan polis selesai;

(iii) Suatu perintah bahawa, lanjutan daripada penarikan diri oleh YA Hakim tersebut, kes solar tersebut hendaklah didengar, dibicarakan dan/atau dibicarakan semula dan diputuskan oleh Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Jenayah yang lain; dan

(iv) Apa-apa perintah lanjut atau relif yang difikirkan suaimanfaat oleh Mahkamah yang mulia ini.

ALASAN PERMOHONAN

[11] Secara ringkasnya, alasan permohonan pemohon/perayu adalah sepertimana terkandung dalam afidavit sokongan pemohon/perayu (kandungan 2) di mana pemohon/perayu mendeposkan fakta berikut:

(i) Pada atau sekitar 26.8.2022, Perayu terbaca artikel oleh penama Raja Petra Kamarudin bertarikh 26.08.2022, bertajuk, 'Rosmah Mansor Will Be Pronounced Guilty On 1st September 2022', di laman portal Malaysia Today, melalui laman web https://www.malaysia-today.net /2022/08/26/rosmah-mansor-will-be-ronounced-guilty-on-1st-september-2022/ ('artikel 1');

(ii) Perayu amat terkejut apabila mendapati kandungan artikel tersebut menyatakan, satu Keputusan Penghakiman bagi Kes Solar telah siap, tetapi disediakan oleh pihak ketiga bagi pihak Hakim Bicara tersebut;

(iii) Perayu menyatakan pendedahan oleh penulis artikel tersebut membuatkan beliau hilang kepercayaan kepada Hakim Bicara untuk menjadi Hakim Kes Solar tersebut;

(iv) Perayu turut terbaca artikel kedua penulis sama bertajuk, 'Download Or View The 71-Page Judgement And Guilty Verdict On Rosmah Mansor Here', juga bertarikh 26 Ogos 2022, di laman portal sama, di https://www.malaysia-today.net/2022/08/26/ download-or-view-the-71-page-judgement-and-quilty-verdict-on-rosmah-mansor-here/ ('artikel II tersebut');

(v) Dalam artikel II tersebut, penulis meletakkan pautan (link) bagi Keputusan/Penghakiman yang dikatakan disediakan oleh pihak ketiga dan bukan oleh Hakim Bicara tersebut, yang mempunyai 71 muka surat yang boleh dimuat turun (download);

(vi) Meneliti kedua-dua artikel tersebut, Perayu meragui integriti Hakim Bicara apabila dokumen tersebut telah disediakan oleh pihak ketiga, yang mana adalah bertentangan dengan inter alia, Perenggan 5, 7, 8 dan 11 Kod Etika Hakim 2009;

(vii) Perayu menegaskan artikel-artikel tersebut adalah berasas dan sahih, memandangkan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia tidak menafikan kewujudan Keputusan Penghakiman setebal 71 muka surat tersebut, berdasarkan apa yang boleh difahami menerusi suatu artikel The Star bertajuk: 'Alleged leaked judgment on Rosmah's case not a final copy, only a reference, say cops' menerusi https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/08/27/alleged-leaked-judgment-on-rosmahs-case-not-a-final-copy -only-a-berdasarkansay-cops bertarikh 27.8.2022 *('artikel The Star tersebut'). Petikan artikel The Star tersebut inter alia menyebut:-*

> 'The document is a research document regarding a case that is still under trial and it is the view of the research unit as a reference for the judge. According to the complainant, the document will be amended

based on the research and is not the decision of the court,' he said.

[12] NU 140 tersebut telah diserahkan ke atas pihak pendakwaan/responden dan susulan penyerahan NU 140 tersebut bagi menjawab afidavit sokongan pemohon/perayu (kandungan 2), pihak pendakwaan/responden memfailkan afidavit jawapan/balasan yang dideposkan oleh TPR Poh Yih Tinn.

[13] Atas alasan segera (*urgency*) sepertimana yang dipohon oleh perayu, NU 140 tersebut ditetapkan untuk pendengaran pada 1 September 2022 iaitu tarikh sama yang ditetapkan untuk keputusan bagi kes Solar.

[14] Pada 1 September 2022 iaitu tarikh bicara bagi NU 140 dan juga tarikh keputusan bagi kes Solar tersebut, peguam pemohon/perayu telah memohon penangguhan bagi menjawab afidavit jawapan/balasan responden tersebut.

[15] Responden walau bagaimanapun membantah penangguhan NU 140 oleh peguam terpelajar tersebut dan telah mengambil pendekatan dan keputusan untuk tidak merujuk kepada afidavit jawapan/balasan mereka dan akan hanya berhujah atas isu undang-undang.

[16] Hakim bicara menolak permohonan penangguhan oleh peguam terpelajar pemohon/perayu dan telah meneruskan dengan mendengar hujahan lisan pihak-pihak bagi NU 140 tersebut.

[17] Setelah permohonan peguam perayu untuk penangguhan pendengaran NU 140 ditolak oleh hakim bicara, pihak-pihak telah berhujah secara lisan. Hujahan lisan peguam perayu adalah sepertimana rekod rayuan Jld (2) PDF ms 23 hingga 46 dan 50 hingga 54 Nota Keterangan.

[18] Secara ringkas, peguam berhujah bahawa penghakiman yang disediakan tersebut menyebabkan perayu hilang kepercayaan kepada hakim bicara sama sekali. Peguam berhujah bahawa kewujudan penghakiman yang disediakan oleh pihak ketiga tersebut sama ada secara sukarela, langsung dan/atau tidak langsung telah menyebabkan perayu hilang kepercayaan yang HB dapat mengadili kes Solar dengan adil dan saksama, tanpa pengaruh mana-mana pihak.

[19] Peguam menekankan bahawa penghakiman yang disediakan tersebut telah mengundang pelbagai tohmahan, persepsi dan/atau tuduhan terhadap kecekapan, kejujuran, keadilan, kesaksamaan, kewibawaan dan/atau integriti

hakim bicara dalam mengendalikan, mendengar, membicarakan dan/atau memutuskan kes Solar tersebut dengan berhemah, beretika, amanah, adil dan saksama.

KEPUTUSAN HAKIM BICARA ('HB')

[20] Setelah mempertimbangkan hujahan kedua-dua pihak YA HB telah menolak permohonan pemohon/perayu atas alasan yang dinyatakan di perenggan 13 hingga 17 *judgment* beliau.

[21] Ringkasnya, YA HB menafikan pengataan/dakwaan penulis artikel yang berkenaan bahawa penghakiman bagi kes Solar telah disediakan oleh pihak ketiga. YA HB menafikan telah mengarahkan pihak ketiga (Unit Penyelidikan) untuk menyediakan penghakiman bagi pihak beliau.

HUJAHAN PIHAK-PIHAK DI MAHKAMAH RAYUAN DAN KEPUTUSAN KAMI

Hujahan perayu

[22] Pertamanya, berhubung keputusan YA HB yang menolak permohonan lisan peguam untuk penangguhan pendengaran NU 140, peguam berhujah bahawa YA HB terkhilaf dan tersalah arah dari segi undang-undang untuk menjawab afidavit responden kerana jika gagal dijawab, segala pengataan di dalamnya dianggap diterima (*deemed admitted*). Peguam merujuk kes *Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd* [1995] 1 MLJ 281; [1995] 1 CLJ 609.

[23] Peguam menghujahkan bahawa permohonan penangguhan bukanlah untuk melengah-lengahkan prosiding mahkamah. Selain itu, penangguhan adalah untuk membolehkan pihak-pihak memfailkan hujahan masing-masing bagi membantu mahkamah membuat pertimbangan yang sewajarnya.

[24] Secara ringkas, peguam perayu berhujah bahawa perintah/arahan YA HB menolak permohonan penangguhan mereka untuk menjawab afidavit jawapan TPR adalah suatu kekhilafan dan ketidak adilan di mana hak asasi perayu telah dinafikan.

[25] Seterusnya, berhubung dengan relif yang dipohon yang ditolak oleh YA HB, peguam merujuk kepada 'Judgment' YA HB di perenggan 13 di mana beliau memutuskan bahawa:

> They were most definitely not draft judgments prepared for me, nor were they prepared based on my instructions, and they remain just that, opinions. They were not my grounds, nor did I seek to rely on or use them as a working draft for my judgment.

[26] Peguam berhujah YA HB terkhilaf dan tersalah arah apabila mendapati bahawa dokumen yang menjadi asas permohonan perayu (dokumen 71 muka surat tersebut) hanyalah deraf pendapat (*draft opinions*) oleh Unit Penyelidikan (*Research Unit*) MTKL dan bukannya pendapat muktamad (*final opinions*).

[27] Menurut peguam, YA HB tidak menafikan bahawa dokumen 71 muka surat tersebut merupakan 'pendapat' (*opinion*) yang disediakan oleh Unit Penyelidikan MTKL bagi kes Solar.

[28] Seterusnya berhubung dengan keputusan YA HB tersebut di atas, peguam berhujah bahawa keputusan tersebut adalah tidak masuk akal dan tidak munasabah. Menurut peguam adalah tidak logik (*it defies any logic*) apabila Unit Penyelidikan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mempunyai keberanian (*audacity*) untuk menyediakan dokumen 71 muka surat tersebut, tanpa arahan daripada seseorang.

[29] Menurut peguam, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan melalui Kenyataan Media bertarikh 27 Ogos 2022, tidak pernah menafikan kewujudan, ketepatan dan kandungan dokumen 71 muka surat tersebut. Malahan, YA HB juga tidak menafikan kesahihan dan kewujudan dokumen 71 muka surat tersebut. Cuma beliau menafikan mengarahkan pihak ketiga menyediakan bagi pihak beliau.

[30] Peguam juga berhujah bahawa wujud elemen 'a real danger of bias' untuk YA HB terus bertindak sebagai hakim di dalam kes Solar perayu. Menurut peguam dokumen tersebut yang tular (*viral*) di seluruh media telah menimbulkan suatu tohmahan kepada integriti dan kebebasan YA HB dan mahkamah dalam membuat keputusan terutamanya membabitkan perayu.

[31] Seterusnya peguam berhujah bahawa YA HB terkhilaf dan tersalah arah apabila tidak mengguna pakai ujian 'real danger of bias' semasa membuat keputusan menolak permohonan 'recusal' perayu. Peguam merujuk kepada kes-kes *Majlis Perbandaran Pulau Pinang v Syarikat Bekerjasama-Sama Serbaguna Sungai Gelugor dengan tanggungan* [1999] 3 MLJ 1; [1999] 3 CLJ 65 dan kes *Mohamed Ezam bin Mohd Nor & Ors v Ketua Polis Negara* [2002] 1 MLJ 321; [2001] 4 CLJ 701.

[32] Peguam berhujah bahawa berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, YA HB telah terkhilaf dalam menolak permohonan perayu.

Hujahan responden/TPR

[33] Secara ringkasnya, TPR terpelajar bagi pihak responden berhujah bahawa YA HB tidak terkhilaf di sini memandangkan permohonan untuk

'recusal' adalah pada dasarnya melibatkan persoalan undang-undang. TPR merujuk kepada kes *Dato' Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak v Public Prosecutor and other appeals (No 2)* [2022] 5 MLJ 135; [2022] 8 CLJ 387. Oleh itu, ketiadaan satu afidavit jawapan/balasan adalah tidak material/'fatal'.

[34] TPR berhujah bahawa perayu gagal mengemukakan keterangan kukuh (*cogent evidence*) untuk mematahkan andaian bahawa YA HB sebagai hakim beliau bertindak secara adil, saksama dan tidak berat sebelah semasa melaksanakan tugasan kehakiman beliau. TPR merujuk, antara lain, kepada kes-kes berikut:

(a) *Public Prosecutor v Tengku Adnan bin Tengku Mansor* [2020] 5 MLJ 220; [2002] 9 CLJ 30 (MR);

(b) *Pembinaan BLT Sdn Bhd v Debessa Development Sdn Bhd* [2015] 9 MLJ 335 (MT); dan

(c) *Png Hock Leng v AXA Insurance Pte Ltd* [2022] SCD 498; [2022] 1 SLR 1463.

[35] TPR juga berhujah bahawa keterangan yang dikemukakan perayu gagal menunjukkan wujudnya 'real danger of bias'.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[36] Setelah mempertimbangkan hujahan kedua-dua pihak di atas, kami mendapati dan memutuskan sepertimana berikut:

Penolakan permohonan penangguhan oleh perayu

[37] Peguam berhujah bahawa YA HB terkhilaf kerana gagal untuk membenarkan penangguhan bagi membolehkan perayu menjawab afidavit jawapan responden. Menurut peguam, YA HB secara salah telah menolak permohonan tersebut tanpa asas, dan sekaligus melanggar perenggan 5, 6(1), 7(3), 7(4), 7(7) dan 7(8) Kod Etika Hakim 2009 apabila perayu tidak mendapatkan perbicaraan yang adil lagi.

[38] YA HB menolak permohonan penangguhan atas alasan sepertimana yang dinyatakan dalam alasan penghakiman YA HB di perenggan 8 dan 9 'Judgment' beliau sepertimana berikut:

> [8] However, learned counsel for the applicant sought to adjourn the hearing for two reasons: to reply to the respondent's affidavit, which was filed on the morning of 1 September 2022, and to prepare a written submission. Learned counsel for the respondent objected to the request stating that the respondent's affidavit contained no facts that needed to be refuted. He was also prepared for the respondent's affidavit to be disregarded and said he was ready to proceed with the application.

A [9] I was unconvinced with the reasons cited for adjournment as learned counsel should have been ready to argue the application, notably since he had filed a certificate of urgency. I also believed that there are no factual matters in the respondent's affidavit that would require the applicant to respond. In any event, having read the affidavits supporting the application, it is clear that the alleged matters are primarily within my knowledge. I therefore instructed the parties to proceed with the hearing. Learned counsel for the applicant was undoubtedly prepared as he presented a bundle of authorities with twenty-five cases and articles.

[39] Dengan hormatnya kami tidak bersetuju dengan hujahan peguam terpelajar bahawa berlaku perlanggaran hak asasi perayu oleh YA kerana tidak membenarkan penangguhan bagi membolehkan perayu menjawab afidavit responden. Sepertimana yang dihujahkan oleh YA TPR, permohonan bagi penarikan diri (*recusal*) adalah melibatkan undang-undang. Kedudukan undang-undang sepertimana hujahan TPR tersebut adalah jelas dan mantap.

[40] Bagi NU 140 ini, pendekatan yang diambil oleh responden adalah untuk tidak merujuk kepada afidavit yang mereka failkan dan untuk berhujah atas undang-undang. Atas pendekatan yang dipilih oleh responden tersebut serta mengambil kira bahawa permohonan NU 140 telah difailkan atas dasar segera (*urgency*) YA HB memutuskan untuk menolak permohonan penangguhan dan meneruskan dengan mempertimbangkan hujahan pihak-pihak bagi NU 140 tersebut. Ini jelas sepertimana yang dinyatakan di perenggan 8 dan 9 'Judgment' beliau di atas.

[41] Berdasarkan Nota Prosiding bagi NU140, adalah jelas lagi bersuluh bahawa pihak-pihak terutamanya peguam perayu telah diberikan ruang dan masa yang seluasnya oleh YA HB untuk berhujah. Oleh itu, pada hemat kami, untuk menghujahkan bahawa perayu telah dirampas hak untuk bersuara dan terdapat perlanggaran hak asasi oleh YA HB, ianya adalah satu hujahan yang tidak bermerit.

[42] Berdasarkan kepada keadaan dan fakta kes sepertimana di atas, kami mendapati YA HB tidak terkhilaf dalam pelaksanaan budi bicara beliau dalam menolak permohonan untuk penangguhan bagi NU 140. Kami dapati perayu gagal menunjukkan bahawa YA HB telah terkhilaf dalam meneruskan pendengaran permohonan NU 140.

Kredibiliti penulis artikel — Raja Petra Kamaruddin

[43] Adalah tidak dipertikaikan bahawa permohonan 'recusal' perayu adalah berteraskan kepada artikel/penulisan dalam laman web 'Malaysia Today', yang dimuatnaik/disiarkan oleh penama Raja Petra Kamaruddin. TPR berhujah bahawa penulisan yang menjadi teras permohonan perayu untu 'recuse' YA HB tersebut adalah tidak *reliable* kesahihan kandungannya dan merupakan

keterangan dengar cakap (*hearsay*). Kebenaran kandungan artikel/penulisan yang dirujuk oleh perayu tersebut adalah dalam keadaan meragukan. TPR mencabar *credibility* serta *integrity* penulis tersebut.

[44] Adalah jelas, peguam perayu tidak menafikan/menyangkal karakter dan kredibiliti penulis artikel tersebut sepertimana yang yang didakwa oleh TPR, iaitu seorang yang penulisannya adalah tidak sahih isi kandungannya dan meragukan.

[45] Sehubungan dengan itu, kami merujuk kepada hujahan TPR terpelajar di Mahkamah Tinggi di aman TPR berhujah bahawa penulis artikel yang menjadi asas (*foundation*) permohonan perayu untuk 'recuse' YA HB iaitu, Raja Petra Kamuddin adalah seorang yang tidak kredibel. Kami rujuk hujahan lisan TPR terpelajar berkaitan penulis tersebut secara *extenso* iaitu:

> No holds barred Raja Petra Kamaruddin. In my respectful submission, I have these comments to make about the writer of this article. Firstly, he is a fugitive from justice hiding somewhere in the United Kingdom. Secondly, he is a rogue journalist, and thirdly his views alter according to how he is paid.
>
> And my learned friend described the two research papers produced by the research unit is trash. I think that is the most apt description for Raja Petra Kamaruddin's article. It is real trash and that is what these people are relying basing their application. All these of course is hearsay and the source from which that opinion is expressed is hardly credible. (Rujuk Nota Keterangan RR Jilid 1 di ms 48).

[46] Hujahan balasan peguam perayu terhadap hujahan TPR berhubung kredibiliti dan karakter Raja Petra Kamaruddin, penulis artikel tersebut juga kami mengulangi secara *extenso* di bawah iaitu:

> You cannot equate what an opinion a law clerk writes. My Lord, my learned friend has referred to exhibit and said that he is a rogue writer, and fugitive. I will not descend into descriptive words of that nature but l ... (Rujuk Nota Keterangan RR Jilid 1 di ms 52).

[47] Adalah jelas bahawa peguam perayu tidak menafikan/menyangkal karakter dan kredibiliti penulis artikel tersebut sepertimana yang didakwa oleh TPR iaitu, berdasarkan kredibiliti beliau yang tercabar, penulisannya adalah tidak sahih isi kandungannya dan meragukan.

[48] Kami bersetuju dengan hujahan TPR responden dan mendapati bahawa permohonan perayu yang bergantung kepada penulisan oleh Raja Petra Kamaruddin yang mana dibuktikan seorang yang mana kredibiliti beliau sebagai penulis adalah meragukan, maka kandungan penulisan beliau juga adalah tidak *reliable* kebenarannya. Tambahan lagi, kami mendapati kandungan artikel tersebut adalah merupakan satu dengar cakap (*hearsay*). perayu tidak cuba mendapatkan keterangan langsung dari Raja Petra

Kamaruddin atau berusaha untuk mendapatkan keterangan penama tersebut sendiri. Sebagai pihak yang membuat pengataan (*the party alleging*) beban terletak ke atas perayu untuk mengemukakan keterangan kukuh dan 'admissible' bagi menyokong permohonan beliau. Sebaliknya, bagi permohonan NU 140 ini, perayu melemparkan ke muka mahkamah satu artikel/penulisan yang jelas tidak mempunyai sebarang nilai keterangan.

[49] Perlu dinyatakan di sini bahawa berkait isu ini, peguam merujuk kepada alasan YA HB di perenggan 13 di mana beliau memutuskan bahawa:

> They were most definitely not draft judgments prepared for me, nor were they prepared based on my instructions, and they remain just that, opinions. They were not my grounds, nor did I seek to rely on or use them as a working draft for my judgment.

[50] Peguam mendakwa keputusan YA HB tersebut di atas, adalah tidak masuk akal dan tidak munasabah. Secara tidak langsung peguam lebih mempercayai Raja Petra Kamaruddin berbanding apa yang dinyatakan oleh YA HB. Menurut peguam apa yang dinyatakan dalam alasan YA HB di atas adalah tidak logik (*it defies any logic*) bagi Unit Penyelidikan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mempunyai keberanian (*audacity*) untuk menyediakan dokumen 71 muka surat tersebut. Di sini kami juga mendapati peguam hanya berhujah tanpa asas dan 'speculative'. Sepertimana juga artikel/penulisan Raja Petra, tiada bukti/keterangan sokongan dikemukakan bagi menyokong dakwaan/hujahan peguam tersebut.

[51] YA HB dengan jelas menegaskan bahawa beliau tiada kaitan atau urusan langsung dengan dokumen tersebut. Manakala berlandaskan penulisan oleh penulis artikel tersebut. Perayu menyatakan sebaliknya. Ringkasnya peguam lebih percaya Raja Petra Kamruddin. Dengan hormatnya, kami tidak sedikit pun meragui kebenaran kenyataan YA HB tersebut.

'Real danger of bias'

[52] Secara ringkas, kedudukan undang-undang bagi permohonan penarikan diri (*recusal*) adalah jelas dan mantap sepertimana yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Majlis Perbandaran Pulau Pinang v Syarikat Bekerjasama-Sama Serbaguna Sungai Gelugor dengan tanggungan* [1999] 3 MLJ 1; [1999] 3 CLJ 65 di mana diputuskan bahawa ujian yang terpakai adalah wujudnya 'real danger of bias' di pihak YA HB.

[53] Menurut peguam YA HB telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal mematuhi prinsip terdahulu (*established precedent*) dan terkhilaf dalam mengaplikasikan undang-undang ke atas fakta-fakta dalam menolak permohonan perayu.

[54] Menurut peguam YA HB gagal untuk menimbangkan ujian 'real danger of bias' di dalam membuat keputusan permohonan NU 140 tersebut. Ini adalah kerana YA HB langsung tidak menyentuh perihal 'real danger of bias' dalam 'Judgment' beliau dan kegagalan tersebut adalah 'fatal'. Peguam merujuk kes *Glomac Resources Sdn Bhd v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [2016] 9 MLJ 584; [2016] 5 CLJ 590, di mana Mahkamah Tinggi telah memutuskan:

> (1) When a recusal is sought, the judge must deal with it and he must have high regard to the general guidelines as to the circumstances that might give rise to disqualification ...

[55] Kami telah meneliti 'Judgment' YA HB berhubung dengan isu ini dan kami bersetuju dengan hujahan peguam bahawa sememangnya tiada dinyatakan secara spesifik tentang ujian 'real danger of bias' tersebut. Untuk gambaran yang jelas keputusan YA HB diperturunkan di bawah:

> Decision
>
> [13] The documents that form this application's basis were opinions written by the Kuala Lumpur High Court's Research Unit. They were, in fact, draft opinions and not even final opinions. They were most definitely not draft judgments prepared for me, nor were they prepared based on my instructions, and they remain just that, opinions. They were not my grounds, nor did I seek to rely on or use them as a working draft for my judgment.
>
> [14] I hope the Research Unit will forgive me for saying this, but I did not read their opinion. I had done my research and was assisted by counsel in the Solar case through their written submissions. I always prepared and wrote judgments on my own. Now, anyone can form their own opinions, but at the end of the day, the only opinion that matters are my own. That will form the basis for my decision.
>
> [15] It is disturbing how the Research Unit's draft opinions could be leaked and published on the MT website. Nevertheless, a police report has been lodged by the Chief Registrar's office and is under investigation. I find it amazing for the applicant to claim that the draft opinion was my draft judgment, as it was, on the face of it, a draft opinion prepared by the Research Unit.
>
> [16] I bore no prejudice towards the accused or anyone that appears in my court. Judges are not here to be popular or make popular decisions. Our decisions are based on facts and law. Whatever personal feelings we have, we leave them at the door once we step onto the Bench. Like all my brothers and sisters in the judiciary, we have taken an oath to preserve, uphold and protect the Constitution, a duty we will solemnly carry out until we retire.
>
> [17] The applicant's contention that a third party had prepared my judgment and that my integrity and independence are questionable is misconceived. The application is therefore dismissed.

[56] Namun, kami mendapati bahawa memandangkan ini adalah rayuan yang difailkan ke mahkamah ini mengguna pakai peruntukan undang-undang

yang terpakai, rayuan perayu di sini merupakan satu 're-hearing' yang mana kami telah pun meneliti keterangan-keterangan secara menyeluruh dan objektif. Apa pun Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan adalah forum terbaik bagi memutuskan persoalan bagi permohonan 'recusal' sepertimana yang diputuskan dalam Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Tan Heng Chew v Tan Kim Hor* [2006] 2 MLJ 293; [2006] 1 CLJ 577, dimana YAA Abdul Hamid Mohamad (YAA KHN, ketika itu) memutuskan:

> (4) The learned judge said she would not be biased. But, viewed objectively, the question was whether, in the circumstances of the case, there was a real danger of bias on her part, even though unintentionally. *The Court of Appeal and the Federal Court were in a better position to assess since the Court of Appeal and the Federal Court were not directly involved in it.* So, if on the facts and in the circumstances of the case, the Federal Court found that there was a real danger of bias, even though the trial judge felt that she was not inclined to, in the interest of justice, she should be advised to recuse herself. (para 25)
>
> (5) Considering all the circumstances of the case, objectively viewed, there was a real danger of bias on the part of the learned judge if she were to continue to try the suit. In this situation, if the court were to err, it would be better to err on the side of recusal in order to maintain the highest standard of public confidence in the judiciary ...

[57] Berdasarkan pendekatan yang kami ambil tersebut, kami mendapati bahawa berdasarkan keterangan dan fakta pertamanya, bagi kes Solar, terdapat dua *grounds of judgments*, yang pertama, telah disediakan oleh pihak ketiga — (*the 71 pages judgment*) dan juga *grounds of judgment* oleh YA HB setebal 119 muka surat.

[58] Setelah kami meneliti kedua-dua dokumen tersebut, adalah jelas pada hemat kami bahawa sememangnya terdapat kelainan yang ketara dalam kedua-dua dokumenter sebut. Ini menunjukkan bahawa apa yang yang dinyatakan oleh YA HB bahawa beliau menyediakan *judgment* sendiri tanpa mengguna pakai *judgment* yang disediakan oleh pihak ketiga adalah benar dan konsisten dengan apa yang dinyatakan.

[59] Kami juga sedar bahawa kes Solar melibatkan perayu telah didengar oleh YA HB selama lebih 2 1/2 tahun di mana sepanjang tempoh tersebut perayu tidak pernah pada bila-bila masa membuat sebarang permohonan untuk 'recuse' YA HB tersebut sehinggalah beberapa hari sebelum tarikh keputusan tiba.

[60] Pada hemat kami ini membuktikan bahawa perayu sepanjang tempoh tersebut menerima YA HB sebagai seorang hakim yang adil dan saksama. Tiada keraguan tentang keadilan beliau. Oleh mengambil kira keadaan dan fakta kes

ini secara menyeluruh dan secara objektif, kami mendapati perayu gagal menunjukkan wujudnya 'real danger of bias' di pihak YA HB.

[61] Mengambil kira keadaan dan fakta secara keseluruhan dan secara objektif, kami mendapati bahawa permohonan ('NU 140') adalah tidak bermerit. Kami bersetuju dengan hujahan TPR bahawa dalam keadaan dan fakta kes ini perayu gagal menunjukkan bahawa terdapat 'real danger of bias' di pihak YA HB.

RUMUSAN

[62] Secara keseluruhannya, setelah kami mempertimbangkan hujahan kedua-dua pihak kami dapati pihak perayu telah gagal untuk menunjukkan kepada kami bahawa terdapat merit dalam rayuan mereka. Kami mendapati bahawa pihak pendakwaan di peringkat Mahkamah Tinggi sebagai responden telah berjaya menunjukkan bahawa tiada 'real danger of bias' di pihak YA HB pada masa tersebut. Oleh itu, mahkamah menolak rayuan pihak perayu dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 1 September 2022 bagi NU 140.

Rayuan perayu ditolak; keputusan Mahkamah Tinggi bagi NU 140 dikekalkan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar